Utusan Borneo: 04 November 2026

Anggota polis dilepas dan dibebas tuduhan ambil dadah pada 2017

KUCHING: Seoranganggota polisberpangkatlanskoperal dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Majistret di sini kelmarin daripada pertuduhan mengambil dadah, sembilan tahun lepas.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali membuat keputusan itu selepas mendapati pendakwaan gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh, Muhamad Mustaqim Che Ismail.

Ketika prosiding, Nursyaheeqa berkata keputusan itu dibuat setelah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan pada akhir kesnya serta mempertimbangkanhujahan dikemukakanoleh Timbalan Pendakwa Raya dan peguam bela.

Nursyaheeqa seterusnya memutuskan untuk melepas dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan berkenaan mengikut Seksyen 173(f)(ii) Kanun Tatacara Jenayah, dan berpandukan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Public Prosecutor lwn Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457.

Difahamkan, mahkamah mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam proses pengambilan, pengendalian dan pengenalpastian sampel air kencing sebelum ia dianalisis oleh ahli kimia.

Mengikut pertuduhan, Muhamad Mustaqim didakwa mengguna dan memberikan kepada dirinya dadah berbahaya iaitu 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA).

Kesalahan itu dilakukan pada jam 2.05 petang di Pejabat Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padawan pada 9 Ogos 2017.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15(1) akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun, jika sabit kesalahan.

Untuk rekod, pihak pendakwaan menutup kesnya pada 21 Julai 2026 selepas memanggil empat saksi untuk memberi keterangan.

Muhamad Mustaqim diwakili peguam Osman Ibrahim dan pelatih dalam kamar Then Mei In.